



**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN, KOMITED DAN BERDEDIKASI
DIPELAWA UNTUK BERKHIDMAT DI FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT, UKM
(KAMPUS BANGI)**

1. Maklumat Jawatan

- (a) Jawatan: Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)
- (b) Gred Jawatan: N19
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (d) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
- (e) Taraf Jawatan: Kontrak
- (f) Bilangan Kekosongan: 2 (dua)
- (g) Tempoh Lantikan: 1 Januari 2023 – 31 Disember 2023

2. Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

3. Jadual Gaji : RM 2,117.00 Sebulan

Gred Gaji	Gaji	Elaun
N19	1,352.00	Imbuhan Tetap Perumahan: RM 300.00 Imbuhan Tetap Khidmat Awam: RM 115.00 Bantuan Sara Hidup: 350.00

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Berkelulusan:
 - a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; DAN
 - b. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

- (d) Syarat Tambahan:
- i. Mempunyai kemahiran *interpersonal* dan komunikasi yang baik;
 - ii. Boleh bekerja dalam kumpulan;
 - iii. Boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris adalah suatu kelebihan; DAN
 - iv. Mempunyai kelayakan dan kemahiran mengendalikan perisian MS Office (Word, Excel, Powerpoint).

5. Penempatan:

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM

6. Cara Memohon:

Resume dan sijil-sijil berkaitan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui emel kepada:-

Emel: suhaida@ukm.edu.my

Tarikh tutup permohonan : 9 Disember 2022

*Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.